

22/09/1998

Jumpa lagi di Manchester

KUALA LUMPUR, Isnin - Sukan Komanwel XVI - Kuala Lumpur '98 yang disempurnakan penutupannya oleh Ratu Elizabeth II malam ini menepati janji Malaysia untuk menganjurkannya sebagai yang paling gemilang dalam sejarahnya.

Selaku negara Asia pertama dan tuan rumah terakhir temasya berkenaan bagi alaf ini, Malaysia kini diakui dunia sebagai penganjur yang berjaya dalam meletakkan martabat Sukan Komanwel di tahap tertinggi.

Lebih membanggakan, pengiktirafan terhadap kejayaan negara daripada pelbagai persekutuan sukan antarabangsa itu bermakna kerja keras selama ini yang membabitkan rakyat, kerajaan dan sukarelawan, akhirnya berbalas.

Kejayaan itu sekali gus menangkis segala kritikan dan keraguan yang dilemparkan sebelumnya, terutama yang membabitkan isu jerebu serta mempertikaikan keupayaan penganjur, Sukom Ninety Eight Berhad (Sukom '98).

Kehadiran Ketua Negara-Negara Komanwel, Ratu Elizabeth II, yang ditemani Putera Philip, bagi menyempurnakan upacara penutup temasya selepas 11 hari pertandingan dilangsungkan, melengkapkan sejarah penuh gemilang untuk negara.

Kira-kira 100,000 penonton hadir menyaksikan Sukan Komanwel XVI melabuhkan tirainya di Stadium Nasional, Bukit Jalil.

Turut hadir ialah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar dan Raja Permaisuri Agong Tuanku Najihah, serta Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Menteri Belia dan Sukan, Tan Sri Muhyiddin Mohd Yassin, Pengerusi Eksekutif Sukom '98, Jen (B) Tan Sri Hashim Mohd Ali, pembesar negara serta tetamu kehormat lain.

Kuala Lumpur '98 juga akan terus dikenang sebagai temasya yang mengetengahkan mutu pertandingan dan semangat kesukanan tinggi di kalangan atlit dan pegawai, sekali gus mengesahkan Sukan Komanwel sebagai sukan muhibah.

Selain menyematkan pelbagai kenangan di hati peserta dan penonton, ia turut menyaksikan paling banyak rekod kejohanan diperbaharui berbanding temasya sebelum ini.

Australia menepati ramalan untuk terus unggul dengan jumlah 199 pingat keseluruhan - 80 emas, 61 perak dan 58 gangsa.

Ini diikuti oleh dua lagi kuasa tradisi Sukan Komanwel, England dengan 36-47-53 dan Kanada 30-31-38.

Syabas juga diucapkan kepada kontinjen Malaysia yang mengatasi sasaran sekadar 10 kelompok teratas dengan menduduki tempat keempat, berbanding tangga ke-13 di Victoria, empat tahun lalu.

Pencapaian 36 pingat keseluruhan kali ini dengan 10 emas, 14 perak dan 12 gangsa adalah yang terbaik dalam sejarah penyertaan Malaysia.

Upacara penutup yang dilangsungkan dalam suasana gilang-gemilang malam ini bermula dengan ketibaan Ratu Elizabeth II bersama Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar.

Majlis yang dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu acara rasmi dan konsert antarabangsa, berlangsung selama empat setengah jam, bermula pada kira-kira jam 8 malam.

Selaku tuan rumah, Malaysia mengucapkan 'Terima Kasih' di samping 'Selamat Jalan' kepada semua kontinjen melalui persembahan kebudayaan yang dibahagikan kepada tiga bahagian.

Tidak ketinggalan mengambil bahagian ialah persembahan daripada bandar raya tuan rumah temasya berikutnya, Manchester.

Upacara kemuncak dalam segmen pertama itu ialah apabila Ratu Elizabeth II mengisytiharkan Kuala Lumpur '98 ditutup dengan rasminya selepas majlis penyerahan bendera Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) kepada Datuk Bandar Manchester, Gordon Conquest.

Upacara penutup diteruskan sebaik saja Yang di-Pertuan Agong dan Ratu Elizabeth meninggalkan stadium dengan anggota negara peserta kemudian mengambil bahagian untuk menyanyikan `Farewell Song' dan `Auld Lang Syne'.

Selama dua jam berikutnya, atlit dan pegawai dihiburkan dengan persembahan konsert antarabangsa yang membabitkan artis tempatan dan luar negara.

Kesudahannya, mereka jelas akan meninggalkan Kuala Lumpur dengan pelbagai kenangan indah.

Selamat tinggal Kuala Lumpur '98. Jumpa lagi di Manchester 2002.

(END)